

## BAB VI

### KESIMPULAN

#### 6.1 Pendahuluan

Bab ini akan merumuskan dapatan kajian. Di sini akan dipaparkan hasil kajian dan saranan yang dapat memberi laluan pada kajian-kajian seterusnya.

#### 6.2 Rumusan Kajian

Walaupun kajian ini bukan merupakan suatu kajian yang terperinci, namun berupaya memberi satu gambaran yang jelas tentang keistimewaan HBS sebagai sebuah karya prosa tradisional yang mengandungi pengaruh Islam.

Selain itu, HBS yang didapati mempunyai persamaan dengan cerita-cerita rakyat yang lain dari aspek 'watak' dan 'siri fungsi dalam struktur ceritanya', masih mampu menyerlahkan kelainan dan keunikannya yang tersendiri. Walaupun jalinan peristiwa dari awal hingga akhir terbahagi pada tiga bahagian seperti struktur cerita LL, namun jalinan tersebut didapati bertingkat-tingkat. Keadaan ini berlaku kerana watak wira dalam HBS terpaksa melalui pengembaraan kedua setelah tujuan pengembaraan pertama tercapai. Teknik persembahan yang sebegini rupa membuatkan pendengar atau pembaca menjadi cemas dan tertanya-tanya akan kesudahannya.

Menyentuh tentang unsur-unsur Islam yang terdapat dalam teks ini, hasil penelitian mendapati, walaupun teks ini tidak dapat digolongkan sebagai sebuah karya

bercorak agama, namun unsur-unsur Islam tersebut sudah cukup dapat dijadikan bukti bahawa masyarakat ketika karya ini terhasil, sudah mantap pegangan Islamnya.

Justeru itu, walaupun terdapat unsur-unsur fantasi dan magis yang terselit di dalamnya, itu hanya sebagai unsur hiburan untuk menjadikan cerita lebih menarik dan tidak membosankan. Fenomena begini perlu diwujudkan kerana besar kemungkinan, itu merupakan daya penarik atau sebagai teknik yang berkesan untuk menerapkan nilai-nilai pengajaran kepada pendengar.

Sehubungan dengan itu, nilai-nilai pengajaran dalam teks ini memang merupakan nilai-nilai murni yang mempunyai ciri-ciri sejagat. Apa yang menarik ialah cara nilai-nilai tersebut disajikan. Dalam teks ini, nilai-nilai tersebut diterap melalui peristiwa-peristiwa tersirat yang maksudnya disuratkan melalui 'monolog dalaman' watak wiranya. Oleh itu, didapati teknik ini mampu mendidik pendengar atau pembaca menajamkan daya pemikiran. Dalam konteks ini, pendengar atau pembaca akan terdorong untuk merenung dan mengaitkan maksud tersebut dengan kehidupan sebenar. Seterusnya akan menjadikannya sebagai teladan.

Kajian ini juga mendapati, kesabaran, keikhlasan, keredhaan dan ketaqwaan serta daya tahan wira mengharungi cabaran dari awal hingga ke akhir cerita sangat sesuai dijadikan daya rangsangan ke arah pendidikan peningkatan EQ di kalangan kanak-kanak dan remaja.

### 6.3 Saranan

Dapatan ini masih belum dapat menobatkan karya ini sebagai sebuah karya yang benar-benar bernilai tinggi. Ini kerana skop kajian terhadapnya adalah terbatas dan tidak terlalu mendalam. Akan tetapi jika ada kajian susulan yang dapat mengupas pengaruh Islam di dalamnya dengan lebih terperinci, besar kemungkinan karya ini dapat dijulung keistimewaannya.

Oleh itu, diharap akan tampil pengkaji-pengkaji yang lebih mapan dengan kajian yang lebih mendalam. Justeru itu, perkara-perkara yang berikut haruslah diberi perhatian.

6.3.1 Mengkaji HBS dari aspek isi dan unsur-unsur Islam yang terkandung di dalamnya.

6.3.2 Mengkaji watak wira dari aspek perwatakan yang dapat dijadikan model pemantap EQ.

6.3.3 Memperhalusi kajian dari aspek morfologi dan sintaksis.

6.3.4 Mengkaji nilai-nilai adat dan keagamaan di dalamnya.

Dengan adanya kajian-kajian yang sedemikian rupa, diharapkan HBS ini dapat ditakhtakan di singgahsana yang sewajarnya dalam khazanah kesusasteraan Melayu tradisional.